



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUM BALAS MEDIA

BANTERAS AMALAN RASUAH

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin memberikan pandangan dan ulasan berkaitan isu yang dilaporkan oleh pihak media mengenai tekanan yang diterima oleh Penjawat Awam dalam aktiviti rasuah di organisasi masing-masing.
2. Kerajaan sememangnya memandang serius mengenai sebarang salah laku yang melibatkan Penjawat Awam. Kita juga amat menggalakkan Penjawat Awam tampil untuk melaporkan sebarang salah laku di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing dalam usaha membendung ketirisan yang berlaku dalam sesuatu organisasi terutama yang melibatkan penyalahgunaan kuasa di pelbagai peringkat tanpa mengira kedudukan mereka.
3. Pihak JPA menegaskan agar semua Ketua Jabatan memandang serius mengenai hal ini dan sentiasa memastikan sebarang ketirisan dan penyalahgunaan kuasa tidak berlaku di semua peringkat dalam Kementerian/Jabatan/Agensi.
4. Pemberi maklumat sebenarnya mempunyai pelbagai saluran untuk menyampaikan maklumat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau Unit Integriti di setiap Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing.
5. Maklumat pelapor dirahsiakan dan diberi jaminan bahawa semua butiran yang diberikan kepada pihak berkuasa akan dilindungi dan hak keselamatan mereka

terjaga mengikut peraturan sedia ada seperti yang dinyatakan dalam Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 dan Akta Perlindungan Saksi 2009.

6. Semua Penjawat Awam adalah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (1993)(P.U.A 395/1993) dan sebarang pelanggaran kepada mana-mana peraturan termasuk tidak melaporkan salah laku pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib.
7. Pihak JPA mengucapkan syabas dan tahniah kepada Penjawat Awam yang berani tampil ke hadapan bagi membendung salah laku tersebut. Ini menunjukkan mereka mempunyai integriti yang sangat tinggi dan boleh menjadi contoh kepada Penjawat Awam yang lain. JPA juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak SPRM dan agensi penguat kuasa atas tindakan proaktif dan berterusan bagi memastikan amalan rasuah dibanteras secara menyeluruh seterusnya dapat meningkatkan integriti dan tadbir urus yang baik dalam Perkhidmatan Awam.

Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

#####

Tarikh : 12 Disember 2020
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (98)